

KESIMPULAN OBJEKTIF PROGRAM PENDIGITALAN SEKOLAH

Matlamat Program Pendigitalan Sekolah ini adalah juga berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu menetapkan akses, kualiti, keadilan, kesatuan dan kecekapan sebagai aspirasi utama untuk sistem pendidikan negara kita.

Program Pendigitalan Sekolah ini memainkan peranan penting untuk melestarikan ekosistem pendidikan selari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan memastikan semua guru cekap , kekal relevan dalam ekosistem pendidikan digital termasuk reka bentuk pembelajaran , kepelbagaian , bakat pelajar ditonjolkan dengan maklum balas pantas dan memudahkan segala urusan aktiviti harian sekolah melalui medium digital dengan ringkas.

Website rasmi sekolah ini selain mudah diselenggarakan melalui facebook page sahaja ianya juga turut dijadikan pusat sehati dengan segala aktiviti harian guru dari laman DELIMa / moe.gov turut dipautkan di laman website rasmi sekolah ini , rujukan kepada pelajar pula disediakan seperti buku teks digital , video ringkasan guru , nota ringkasan serta E-latihan dan notis sekolah atau makluman kepada ibu-bapa juga dengan hanya bertumpukan melalui laman website rasmi sekolah sahaja.

Kewujudan Program ini juga dapat membantu kerajaan dengan mengisi ruang pendidikan ke arah moden dan maju dengan sifar peruntukkan dari kerajaan sekaligus mengikuti matlamat “**Misi Madani**” iaitu kerjasama kerajaan dengan rakyat. Program ini dijalankan melalui penajaan secara langsung mengambil kira kerjasama dan kepekaan setempat mengikut lokaliti sekolah itu. Pihak penaja akan dikenalkan di dalam laman website sekolah melalui banner mengikut kesesuaian dan persetujuan pengetua dan guru besar. Kelebihan kepada penaja akan menerima manfaat dengan diperkenalkan apa perkhidmatan yang dimiliki dan juga dapat membantu membina kepercayaan.

Konsep Program ini mengikuti “**Misi Madani**” dengan menerapkan kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat , kerjasama dan bersedia menerima perubahan untuk mengubah negara Malaysia menjadi lebih maju dan berilmu.

DENGAN KERJASAMA :

